

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Platform kerjasama inovasi strategik pacu produktiviti PKS	Berita Harian
2.	Wanita aset industri kraf	Berita Harian
3.	Fasa peralihan monsun mula esok	Harian Metro

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)**



[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Pengurusan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Tan Sri Azman Hashim (tujuh dari kiri) beramah mesra dengan penerima anugerah pada majlis Anugerah Perusahaan Produktiviti Tinggi sempena Pameran Inovasi bagi Produktiviti 2018 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Setakat ini 506 audit teknologi dan lebih 800 intervensi teknologi dilaksanakan dengan jayanya menerusi Program SIRIM-Fraunhofer

Ahmad Fadzil M Hani,
Presiden dan Ketua Eksekutif
Kumpulan SIRIM Bhd

Platform kerjasama inovasi strategik pacu produktiviti PKS

Malaysia dalam landasan kukuh capai sasaran pertumbuhan produktiviti buruh menjelang 2020

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@NSTP.com.my

Malaysia berada dalam landasan kukuh untuk mencapai sasaran pertumbuhan produktiviti buruh tahunan 3.7 peratus kepada RM92,300 bagi setiap pekerja menjelang 2020.

Setakat ini, 87.8 peratus atau RM81,039 produktiviti buruh sudah dicapai hasil pelaksanaan inisiatif yang diterajui kerajaan, industri dan akademik dalam beberapa tahun ini.

Empat platform kerjasama inovasi strategik ditubuhkan untuk membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan produktiviti.

Platform berkenaan ialah Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) yang diterajui Kementerian Pendidikan Tinggi; Kerjasama SIRIM-Fraunhofer; AIM-Steinbeis Foundation Malaysia dan SME Co-

rp-PlaTCOM Ventures Sdn Bhd. Platform kerjasama inovasi strategik yang dilaksanakan AIM-Steinbeis Malaysia Foundation yang menyasarkan untuk menghubungkan akademik dengan industri dan menggalakkan keberkesan dan kecekapan kerjasama dalam pengetahuan dan pemindahan teknologi sudah membawa hasil.

351 projek dilaksana

Setakat ini, 351 projek dilaksana dengan jaya di bawah platform berkenaan.

Bagi platform kerjasama inovasi strategik PPRN dengan agenda utama memadankan PKS dengan penyelidik, 690 pemandanan berjaya ditubuhkan sejak 2015 dan 535 projek diselesaikan.

Kejayaan memberangsangkan juga turut dicapai di bawah platform kerjasama inovasi strategik yang dikendalikan SIRIM-Fraunhofer dan SME Corp-PlaTCOM Ventures.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM Bhd, Prof Ir Dr

Ahmad Fadzil M Hani berkata pi-

haknya antara peserta dalam empat platform inovasi strategik yang ditubuhkan kerajaan untuk membantu PKS dalam meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan daya saing mereka.

Katanya, di bawah platform itu SIRIM bekerjasama dengan Fraunhofer dari Jerman.



Mustapa melawat Pameran Inovasi bagi Produktiviti 2018 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Inisiatif itu dilaksanakan dalam beberapa peringkat. Pertama, kita menjalankan audit teknologi syarikat bagi mengenalpasti intervensi yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti syarikat atau enterpreni.

"Peringkat selanjutnya melaksanakan intervensi berdasarkan teknologi dan inovasi serta memberi latihan kepada syarikat berkenaan.

"Setakat ini 506 audit teknologi dan lebih 800 intervensi teknologi dilaksanakan dengan jayanya menerusi Program SIRIM-Fraunhofer," katanya.

Beliau berkata demikian dalam

satu temu bual yang diadakan sempena Pameran Inovasi bagi Produktiviti (SHIP) 2018 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

SHIP adalah inisiatif di bawah pemantauan Majlis Pemantauan Produktiviti Kebangsaan (NOPC) yang dibentuk pada 2015 dan dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ia adalah sebahagian struktur tadbir urus Majlis Produktiviti Nasional (MPN) yang badan tertingginya dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk memacu pertumbuhan produktiviti negara.

Ahmad Fadzil berkata, salah satu intervensi teknologi yang berhasil dilaksanakan di bawah platform itu adalah membangunkan kebuk pengering pintar yang dapat meningkatkan pengeluaran keropok daripada 100 kilogram seminggu kepada 200 kilogram seminggu.

Bantu PKS tingkat pengeluaran
Katanya, penggunaan mesin dan automasi membantu PKS meningkatkan pengeluaran dan pada masa sama mengurangkan kos operasi khususnya dari segi penggunaan tenaga kerja tidak mahir.

"SIRIM juga membantu PKS dalam memantapkan lagi pembungkusan dan perlamban produk mereka.

"Bermula 2015, kami memperoleh perintuan kerajaan untuk membantu PKS meningkatkan produktiviti mereka. Setakat ini, kami berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PlaTCOM Ventures Sdn Bhd, Dr Viraj Perera, berkata pihaknya membantu 126 syarikat sejak ditubuhkan pada 2014 dengan 40 projek inovasi dikomersialkan.

Katanya, kerjasama SME Corp dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) menyediakan platform pengkomersialan teknologi kepada PKS, bermula daripada fasa konsep sehingga mengkomersialkan inovasi yang dibangunkan PKS.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INSPIRASI) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)**

→**INSPIRASI**

Wanita asset industri kraf



[FOTO BERNAMA]

Rosmah menyampaikan Anugerah Tokoh Kraf Negara kepada Azizah sambil diperhatikan Mohamed Nazri dan Mas Ermeyanti pada Hari Kraf Kebangsaan 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Penyertaan 65 peratus pacu pertumbuhan ke tahap lebih tinggi: Rosmah

Oleh Siti Salmiah A Hamid
salmiah@nsp.com.my

■ Kuala Lumpur

Seri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, menyertai wanita untuk terus berkecimpung dalam industri kraf yang berkembang maju menerusi po-

tensi dan prospek industrinya.

Beliau berkata, penyertaan 3,471 wanita atau 65 peratus daripada jumlah keseluruhan usahawan kraf membuktikan wanita sebagai aset penting yang berupaya memacu pertumbuhan industri kraf negara ke tahap lebih tinggi.

"Selari dengan itu, usahawan wanita kraf menyumbang sebanyak 29 peratus atau RM148 juta di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Berdasarkan Laporan Akhir *Mega Science 3.0 - Creative Industry Sector* oleh *Akademi Sains Malaysia*, industri kreatif Malaysia antaranya industri kraf dijangka semakin berkembang menjelang 2035.

"Jualan kraf dijangka meningkat

kepada RM1.02 bilion menjelang 2025 dan RM2.2 bilion pada 2035, dengan sumbangan sebanyak dua peratus kepada industri kreatif," katanya pada Majlis Perasmian Hari Kraf Kebangsaan 2018 di Kompleks Kraf, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz; Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Wira Mas Ermeyanti Samsudin; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Rashidi Hasbulah; Pengerusi Kraftangan Malaysia, Datuk Wira Ab Ghaffar Tambi dan Ketua Pengarah Kraf Tangan Malaysia, Ibrahim Ismail.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan Anugerah Tokoh Kraf Negara kepada Azizah

Mohd Yusuf dan Anugerah Usahawan Kraf Muda kepada Amir Harith Mat Kashim dan Emily Jeblee dari Keningau, Sabah.

Media sosial promosi produk

Rosmah berkata, usahawan kraf berpeluang mempromosi dan memasarkan produk sehingga ke luar negara melalui media sosial seperti Facebook, Instagram dan YouTube.

Beliau menyarankan lebih ramai lagi usahawan kraf menggunakan kaedah moden itu seiring dengan peredaran pasaran semasa. Sementara itu, Mohamed Nazri berkata, usaha memacu industri kraf bukan saji memberi manfaat kepada usahawan kraf, malah memberi limpahan faedah kepada industri lain, termasuk pelan-

gan, inap desa, sektor perkhidmatan dan industri hilir.

"Kraf tangan Malaysia menyerah nilai jualan bagi 2018 sebanyak RM500 juta, la berdasarkan jumlah jualan produk kraf sehingga Februari 2018 iaitu RM74.7 juta dengan kemampuan seramai 5,361 usahawan kraf.

"Hala tuju! Kelestarian Industri Kraf yang diperkenalkan tahun ini, berupaya memperkasa program pembangunan sedia ada bagi memastikan produk kraf tempatan terus relevan," katanya.

Beliau turut berharap, usahawan kraf menerokai perkara baharu terutamanya teknik pengekuaran serta kaedah pemasaran digital supaya mampu memaksimumkan pendapatan.



Fasa peralihan monsun mula esok



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

ORANG ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca dan sentiasa peka dengan ramalan serta amaran cuaca ketika tempoh peralihan monsun yang dijangka bermula esok.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) menerusi kenyataan, hari ini berkata fasa peralihan monsun itu akan berterusan sehingga pertengahan Mei tahun ini sekali gus menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut.

"Dalam tempoh ini, kawasan serantau negara akan mengalami tiupan angin daripada pelbagai hala dengan kelajuan yang rendah.

Keadaan cuaca yang lazim semasa tempoh itu ialah hujan lebat, ribut petir dan angin kencang terutamanya pada waktu petang dan awal malam," kata kenyataan itu.

Ia lebih kerap berlaku di kawasan negeri-negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak.

Katanya, ribut petir kuat yang disertai hujan lebat dan angin kencang itu boleh menyebabkan banjir kilat serta kerosakan struktur yang tidak kukuh.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini menerusi laman sesawang MET www.metgov.my, aplikasi mobil myCuaca dan Rakan MET atau laman sosial Facebook Malaysiamet dan Twitter @malaysianmet, SMS 15888 atau talian hotline 1300 22 1MET (1638).